

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

SOALAN

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian Pengangkutan melihat keperluan untuk membina satu sistem pengecaman bagi mengesan pesalah trafik dari negara jiran atau luar yang membuat kesalahan trafik di dalam negara dan mereka perlu membayar denda sebelum dibenarkan keluar dari negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mana-mana kenderaan motor asing yang hendak memasuki Malaysia adalah wajib mendapatkan Permit Kemasukan Kenderaan Asing / *Vehicle Entry Permit* (VEP) selaras dengan ketetapan Seksyen 66H (7), Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Sistem VEP yang dikawal selia oleh JPJ ini, menggunakan teknologi kamera *Automatic Number Plate Recognition* (ANPR) yang boleh membaca nombor pendaftaran kenderaan motor asing secara automatik dan menyemak rekod kemasukan dan lain-lain maklumat seperti saman atau jenayah di dalam sistem JPJ/ PDRM secara *real-time*. Sistem ini juga berupaya untuk menangani isu-isu ketidakpatuhan peraturan jalan raya dan kes jenayah seperti kenderaan curi atau kenderaan klon melibatkan kenderaan Malaysia atau kenderaan asing di sempadan Malaysia.

2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sejak April 2019 telah mula mengoperasikan Sistem VEP di pintu sempadan Malaysia – Singapura, yang bertujuan untuk merekod, mengeluarkan permit dan memantau pergerakan kenderaan asing keluar dan masuk negara, di samping untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan lain di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

3. Demi menjamin kedaulatan undang-undang negara serta mengambil kira bahawa sempadan Malaysia – Singapura telah pun dibuka sepenuhnya untuk semua pengembara, MOT telah memutuskan untuk menguatkuasakan peraturan VEP sepenuhnya mulai 1 Oktober 2024. Melalui sistem VEP ini, JPJ boleh mengambil tindakan dan melarang mana-mana kenderaan asing yang tidak mempunyai pendaftaran VEP yang sah untuk masuk ke Malaysia termasuklah melarang mana-mana kenderaan asing daripada keluar dari Malaysia sekiranya mempunyai perkara yang belum selesai di bawah Akta 333 selaras ketetapan di bawah Seksyen 66J Akta 333.

Sekian terima kasih.